



## JURNAL PENDIDIKAN BAHASA MELAYU

### *Malay Language Education Journal*

## Strategi Pembelajaran Kosakata Bahasa Melayu dalam Kalangan Pelajar Antarabangsa di Universiti Malaya

*(Malay Language Vocabulary Learning Strategy among International Students at University of Malaya)*

Norfaizal Jamain<sup>1</sup>, Samsur Rijal Yahaya<sup>2</sup> & Muhammad Saiful Haq Hussin<sup>3</sup>

<sup>1,3</sup>Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaysia, Kuala Lumpur, MALAYSIA.

<sup>2</sup>Fakulti Bahasa dan Linguistik, Universiti Malaysia, Kuala Lumpur MALAYSIA.

Koresponden: **Norfaizal Jamain**, [nfaiz@um.edu.my](mailto:nfaiz@um.edu.my)

**ISSN:** 2180-4842

**Terbitan:** Disember, 2022

**Volume:** 12

**Bilangan:** 02

**Halaman:** 125-134

**Dihantar pada:**

13 Mei 2022

**Diterima pada:**

30 Julai 2022

**Abstrak:** Terdapat pelajar yang keliru ketika mempelajari bahasa Melayu dengan menggunakan pelbagai strategi untuk memperoleh pengetahuan dan memahami konsep serta makna yang diungkapkan. Kajian-kajian yang dilakukan sebelum ini lebih kepada kajian pembelajaran bahasa Melayu secara menyeluruh. Maka kajian ini lebih memfokuskan kepada pembelajaran berkaitan kosakata bahasa Melayu sahaja. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk meneliti kekerapan strategi pembelajaran kosakata bahasa Melayu oleh pelajar antarabangsa serta menghuraikan setiap item kategori strategi tersebut. Bagi meneliti masalah ini, borang soal selidik yang direka berdasarkan kepada Strategi Pembelajaran Kosakata daripada Taksonomi Schmitt, (1997) telah dibentuk. Borang soal selidik yang merangkumi 30 item berkaitan strategi pembelajaran kosakata telah diedarkan kepada pelajar melalui dalam talian. Dapatan data telah dianalisis dengan menggunakan SPSS versi 26.0 untuk meneliti min, sisihan piawai dan interpretasi kajian. Hasil kajian mendapati pelajar antarabangsa lebih memilih untuk menggunakan strategi Memori dengan nilai min 4.00 dan sisihan piawai 1.04 dan memperoleh tahap interpretasi yang tinggi. Pelajar antarabangsa lebih gemar menggunakan kamus semasa mempelajari bahasa Melayu untuk mencari dan mengetahui maksud kosakata yang dipelajari. Lima strategi yang lain iaitu Strategi Penentuan, Sosial (penemuan), Sosial (pengukuhan), Kognitif dan Metakognitif berada pada tahap interpretasi yang sederhana. Kesimpulannya, strategi pembelajaran kosakata boleh membantu pelajar untuk lebih menguasai bahasa sama ada di peringkat pembelajaran atau pengukuhan bahasa Melayu.

**Kata kunci:** Kosakata, strategi pembelajaran, bahasa Melayu, pelajar antarabangsa

**Abstract:** Some students are confused when learning Malay using various strategies to acquire knowledge and understand the concepts and meanings expressed. While the studies conducted previously are more on the study of Malay language learning as a whole. Therefore, this study focuses more on learning related to Malay vocabulary only. Therefore, this study aims to examine the frequency of Malay vocabulary learning strategies by international students and describe each item of the strategy category. A questionnaire form designed based on the Vocabulary Learning Strategies from Schmitt's Taxonomy, (1997) was developed to examine this problem. A questionnaire covering 30 items related to vocabulary learning strategies was distributed to students online. The data were analyzed using SPSS version 26.0 to discuss the study's mean, standard deviation, and interpretation. The study's results found that international students preferred to use the Memory strategy with a mean value of 4.00 and a standard deviation of 1.04 and obtained a high level of interpretation. International students prefer to use dictionaries when learning Malay to find and know the meaning of the vocabulary learned. While the other five strategies, namely Determination Strategy, Social (discovery), Social (reinforcement), Cognitive and Metacognitive, are at a moderate level of interpretation. In conclusion, vocabulary learning strategies can help students to better master the language either at the level of learning or by strengthening the Malay language.

**Keywords:** Vocabulary, learning strategy, Malay language, international students

## PENGENALAN

Pembelajaran bahasa kedua beberapa tahun kebelakangan ini telah beralih kepada usaha untuk mencapai kaedah pembelajaran yang sempurna supaya pelajar boleh mencapai matlamat dan objektif mereka dalam menguasai bahasa kedua yang dipelajari. Pelajar yang cemerlang akan menyedari proses pembelajaran yang perlu dilalui dan berusaha untuk mengawal cara pembelajaran dengan penggunaan strategi yang sesuai. Walaupun setiap kemahiran adakalanya memerlukan strategi yang tertentu, namun beberapa strategi asas telah mendasari semua bidang pelajaran bahasa.

Istilah strategi pembelajaran bahasa telah didefinisikan oleh ramai sarjana di seluruh pelusok dunia. Williams dan Burden, (1997) menyatakan bahawa strategi pembelajaran boleh mempengaruhi psikologi kognitif ketika pelajar belajar bahasa kedua. Schmitt, (1997) pula menyatakan strategi pembelajaran melibatkan tingkah laku dan pemikiran yang digunakan oleh pelajar semasa pembelajaran yang memudahkan mereka memahami dan menambah maklumat baharu terutamanya melibatkan kosa kata. Sementara itu, O'malley et al., (1990) pula menyatakan bahawa kaedah tersebut merupakan usaha pelajar secara sedar atau tidak sedar untuk memproses maklumat yang diperoleh sama ada melalui pengajaran di dalam bilik darjah atau di luar bilik darjah.

Semasa pelajar mempelajari bahasa kedua, banyak input bahasa yang diperoleh sukar dan kurang jelas hasil daripada pengajaran oleh guru yang berlaku hanya di dalam kelas. Setiap masalah dan ketidakfahaman yang berlaku perlu diselesaikan oleh pelajar secara pantas dan mudah. Oleh itu, pelajar akan cuba menyelesaikan masalah tersebut melalui strategi pembelajaran bahasa. Terdapat input yang diperoleh melalui penemuan kosa kata dan diteruskan dengan proses pengukuhan kosa kata. Kedua-dua strategi pembelajaran ini memerlukan kajian dan penelitian data secara deskriptif. Dapatan kajian yang diperoleh daripada kaedah penyelidikan penting kepada guru sebagai rujukan dan panduan penambahbaikan pembelajaran dan pengajaran (PdP) bahasa kedua. Untuk tujuan itu, bahan pengajaran melibatkan model dan strategi pembelajaran boleh diamalkan serta diterapkan di dalam bilik kelas, di luar kelas dan pada bila-bila masa.

Pelajar bertanggungjawab secara sepenuhnya terhadap hasil pencapaian yang diperoleh selepas sesi pembelajaran. Pelajar terarah kepada pemilihan sendiri berkaitan kaedah dan strategi yang sesuai dengan diri mereka berdasarkan kepada keperluan dan kekangan yang dihadapi. Pelajar boleh mengamalkan strategi pembelajaran bahasa kedua secara berdikari di luar bilik darjah sama ada dengan bantuan teknologi atau masyarakat sekeliling. Hal ini akan memberi ruang yang positif kepada mereka untuk terus berdikari dan mencari penyelesaian yang tuntas.

## KAJIAN STRATEGI PEMBELAJARAN KOSA KATA

Kajian berkaitan strategi pembelajaran kosa kata bahasa kedua telah dilakukan oleh ramai pengkaji sama ada di dalam negara atau di luar negara. Bidang kajian yang dilakukan merangkumi pelbagai aspek seperti kemahiran bahasa, subjek kajian, responden, instrumen, cara penyampaian, makna kosa kata dan perkara yang melibatkan pengajaran secara formal dan tidak formal. Oleh yang demikian, Jasah Jumayza et al., (2020) telah melakukan kajian yang berkaitan kesalahan sebutan bunyi vokal dan diftong oleh pelajar antarabangsa daripada negara Arab. Hasil kajian mendapati bahawa, faktor masa pembelajaran bahasa Melayu yang singkat merupakan salah satu punca pelajar gagal menguasai sebutan bahasa Melayu dengan baik. Di samping itu, pengaruh bahasa ibunda dan bahasa Inggeris turut menyumbang kepada kegagalan pelajar menguasai bahasa Melayu.

Li Yan et al. (2022) telah mengkaji tahap penggunaan strategi pembelajaran bahasa Melayu dalam kalangan pelajar universiti di China. Hasil dapatan kajian mendapati bahawa pelajar antarabangsa lebih kerap menggunakan strategi meta kognitif untuk mempelajari bahasa Melayu. Pelajar lebih memberi tumpuan apabila seseorang bertutur dalam bahasa Melayu yang boleh memberi kefahaman yang lebih jelas berkaitan bahasa Melayu. Sementara itu, Cho Min Sung et al. (2020) yang meneliti keberkesanan aplikasi mudah alih semasa pembelajaran bahasa Melayu untuk penutur asing. Hasil kajian mendapati pelajar boleh berhubung secara terus kepada pakar-pakar bahasa di seluruh dunia untuk mengetahui dengan lebih lanjut perkara berkaitan peraturan bahasa Melayu terutama berkaitan rumus-rumus tatabahasa. Walaupun kajian yang dilakukan adalah berdasarkan pembelajaran dengan menggunakan aplikasi mudah alih, namun hasil kajian membuktikan bahawa kaedah ini adalah salah satu cara dan strategi pembelajaran yang boleh digunakan oleh pelajar antarabangsa untuk mempelajari bahasa Melayu terutamanya berkaitan kosa kata.

Seterusnya kajian oleh Juwairiah et al., (2018) yang telah melakukan kajian terhadap pelajar antarabangsa yang mempelajari bahasa Melayu di Universiti Malaysia Pahang. Hasil kajian mendapati pelajar lebih mudah memahami bahasa Melayu sekiranya topik pembelajaran yang diajar berdasarkan kepada aktiviti yang sering berlaku di sekeliling mereka. Pelajar antarabangsa memerlukan pendekatan pembelajaran yang lebih menarik dan kreatif yang membolehkan mereka menguasai tahap asas dan pertengahan setelah melalui proses pembelajaran. Setiap tajuk yang diajar mudah dipelajari sekiranya mendapat bimbingan dan panduan daripada guru.

Kajian yang dilakukan oleh Nursyafina, (2018) terhadap pelajar di *Prince of Songkhla University* dengan menguji tiga pemboleh ubah iaitu jantina, tahap

pencapaian dan tahun pengajian. Hasil kajian mendapati bahawa ketiga-tiga faktor tersebut tidak menunjukkan perbezaan yang signifikan dengan strategi pembelajaran bahasa Melayu. Strategi pembelajaran bahasa yang difokuskan ialah berdasarkan kemahiran berbahasa iaitu kemahiran mendengar, bertutur, membaca dan menulis berbanding strategi pembelajaran kosa kata berdasarkan klasifikasi. Penemuan tersebut membuktikan bahawa perlunya strategi pembelajaran yang khusus berkaitan kosa kata bahasa Melayu.

Selain itu, Mardian Shah et al. (2017) yang telah mengkaji berkaitan penerapan faktor budaya semasa mengajar bahasa Melayu kepada pelajar antarabangsa. Pengaplikasian budaya merupakan salah satu kaedah pengajaran yang menerapkan pembelajaran kosa kata secara langsung dan tidak langsung. Kajian yang dijalankan menerusi kaedah temu bual mendapati kosa kata pelajar semakin baik dan bertambah kerana berjaya menghasilkan karangan dalam bahasa Melayu. Walaupun dalam kajian tersebut tidak menganalisis secara terperinci berkaitan strategi pembelajaran kosa kata, namun aspek pembelajaran dan pengukuhan kosa kata bahasa Melayu berjaya diterapkan semasa aktiviti pengajaran di luar bilik darjah.

Kajian yang dijalankan oleh Noor Zuhidayah dan Siti Saniah, (2016) yang meneliti strategi pembelajaran bahasa Melayu yang diamalkan oleh pelajar Jerman semasa berada di dalam kelas, di luar kelas dan pembelajaran semasa menghadapi peperiksaan. Hasil kajian menunjukkan bahawa pelajar menggunakan pelbagai strategi pembelajaran bagi menghadapi kekangan untuk memahami bahasa Melayu. Hal ini dapat meningkatkan tahap kefahaman pelajar berkaitan bahasa Melayu seterusnya dapat meningkatkan penguasaan berbahasa pelajar. Walaupun kajian tersebut dijalankan di luar negara, namun fokus dan objektif kajian adalah berkaitan penguasaan bahasa Melayu oleh pelajar antarabangsa. Kajian oleh Norlidah et al., (2015) yang meneliti strategi pembelajaran pelajar antarabangsa dengan menggunakan aplikasi permainan video. Hasil kajian mendapati bahawa permainan video boleh membantu kepada penambahan kosa kata pelajar dengan menerapkan beberapa perkara seperti penggunaan aplikasi yang sepenuhnya dalam bahasa Melayu, permainan video yang lebih interaktif, pembelajaran tatabahasa dan pembinaan ayat. Penggunaan teknologi khususnya permainan video boleh menjadi peneraju kepada pembelajaran dan pengukuhan bahasa Melayu pada masa akan datang.

Berdasarkan sorotan kajian yang dilakukan, banyak kajian yang dijalankan berkaitan PdP bahasa Melayu secara am dan perlunya kajian berkaitan strategi pembelajaran bahasa Melayu terutamanya bahagian kosa kata secara khusus sebagai salah satu cara untuk pelajar antarabangsa mempelajari dan menguasai bahasa Melayu.

## PERMASALAHAN KAJIAN

Pembelajaran untuk memahami dan menguasai bahasa kedua terutama melibatkan kosa kata merupakan salah satu kesukaran bagi pelajar antarabangsa. Kekurangan kosa kata akan menyebabkan komunikasi dan maklumat yang hendak disampaikan tidak sampai kepada pendengar atau kumpulan sasaran (Uraidah et al., 2021). Penguasaan bahasa Melayu dikaitkan dengan hasil pembelajaran kosa kata bahasa Melayu yang diamalkan oleh setiap pelajar antarabangsa. Kajian berkaitan bahasa Melayu terhadap pelajar antarabangsa masih kurang dijalankan terutama berkaitan aspek pembelajaran kosa kata. Banyak kajian yang dijalankan lebih tertumpu kepada kesalahan dari aspek kemahiran berbahasa seperti kajian Nurul Ain dan Nik Nur Athirah (2021), Juwairiah dan Mardian Shah (2021), serta Jasah Jumayza et al. (2020). Namun kajian-kajian ini kurang membincangkan secara khusus perkara berkaitan strategi pembelajaran kosa kata bahasa Melayu.

Menurut Nurul Ain dan Nik Nur Athirah, (2021), pelajar antarabangsa kerap melakukan kesalahan bahasa kerana penguasaan kosa kata bahasa kedua yang terhad dan terbatas. Kegagalan pelajar untuk menguasai bahasa Melayu dengan baik adalah disebabkan pengaruh bahasa ibunda dan bahasa Inggeris (Tuah, 2018). Selain itu, Fikri dan Sa'adiah (2020) yang berpendapat bahawa, penguasaan bahasa Melayu pelajar antarabangsa masih lemah walaupun telah mengikuti kelas bahasa Melayu. Kajian yang dilakukan di dua buah universiti tempatan mendapati, hanya sembilan (56.25%) daripada 16 responden memperoleh markah melebihi 50 peratus.

Masalah utama yang dihadapi oleh pelajar antarabangsa terutamanya yang mempelajari bahasa kedua adalah mereka tidak tahu bagaimana untuk mempelajari bahasa tersebut terutamanya melibatkan kosa kata (Rabadi, 2019). Kajian berkaitan strategi pembelajaran kosa kata bahasa Melayu boleh mempengaruhi pelajar untuk pelajar menguasai kemahiran berbahasa, iaitu membaca, menulis, mendengar dan bertutur. Dalam menguasai bahasa Melayu, empat elemen ini saling berkait rapat antara satu sama lain. Oleh itu, kajian berkaitan strategi pembelajaran kosa kata sangat penting kepada pelajar yang ingin mempelajari bahasa Melayu sebagai salah satu kaedah semasa proses pembelajaran yang membawa kepada penguasaan bahasa Melayu.


## OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini bertujuan untuk menganalisis strategi pembelajaran kosa kata bahasa Melayu yang diamalkan oleh pelajar antarabangsa di Universiti Malaya seperti yang dinyatakan dalam Taksonomi Schmitt, (1997). Oleh itu, objektif kajian ini ialah:

1. Mengetahui kekerapan strategi pembelajaran kosa kata bahasa Melayu yang diamalkan oleh pelajar antarabangsa di Universiti Malaya.
2. Menganalisis secara keseluruhan strategi pembelajaran yang diamalkan oleh pelajar antarabangsa semasa mempelajari bahasa Melayu.

### MODEL STRATEGI PEMBELAJARAN KOSA KATA

Strategi pembelajaran merupakan sebagai salah satu tingkah laju pelajar yang bertujuan untuk mendapatkan maklumat. Pelajar akan cuba menyampaikan perkara yang hendak disampaikan menggunakan kosa kata sendiri bergantung kepada bahasa sasaran yang dipelajari. Pelajar akan cuba mempelajari bahasa yang dipelajari sebaik mungkin bergantung kepada matlamat dan objektif pembelajaran. Terdapat beberapa teori, model dan pendekatan yang mendasari kepada strategi pembelajaran bahasa terutamanya berkaitan kosa kata. Setiap model yang diperkenalkan merangkumi proses pembelajaran, hasil dan prestasi pembelajaran. Strategi pembelajaran yang diamalkan oleh pelajar boleh mempengaruhi proses dan keputusan yang baik boleh dicapai. Penekanan strategi akan memudahkan pelajar memahami setiap rumus dan konsep bahasa terutama dalam usaha mereka untuk menguasai kesemua kemahiran berbahasa (Brown, 2016).



RAJAH 1: Strategi Pembelajaran Kosa Kata Schmitt, (1997)

Salah satu strategi pembelajaran kosa kata telah diperkenalkan oleh Schmitt, (1997). Strategi pembelajaran ini telah ditambah baik oleh Schmitt, (1997) hasil daripada strategi pembelajaran yang diperkenalkan oleh Oxford, (1992). Beliau telah menambah satu lagi sub strategi pembelajaran kosa kata

iaitu strategi Sosial dalam kategori Penemuan. Strategi ini di asingkan kepada kategori penemuan dan kategori pengukuhan. Menurut Schmitt, (1997) pelajar boleh mempelajari bahasa kedua melalui faktor sosial yang membantu mereka memperoleh kosa kata baharu. Keadaan sekeliling pelajar yang berhubung dengan masyarakat atau persekitaran boleh membantu mereka untuk mengetahui makna dan konsep bahasa kedua yang dipelajari. Kategori strategi pembelajaran kosa kata yang diperkenalkan oleh Schmitt, (1997) adalah seperti dalam Rajah 1.

### METODOLOGI

#### Populasi dan Sampel Kajian

Fakulti Bahasa dan Linguistik menawarkan kursus TXGZ6102 Bahasa Malaysia Asas kepada semua pelajar antarabangsa yang melanjutkan pengajian di Universiti Malaya. Jabatan Bahasa-Bahasa Malaysia dan Linguistik Terapan diberi tanggungjawab untuk melaksanakan kursus ini, iaitu proses PdP. Setiap pelajar antarabangsa perlu lulus kursus Bahasa Malaysia Asas sebagai syarat pengijazahan. Terdapat seramai empat orang tenaga pengajar yang terdiri daripada dua orang pensyarah dan dua orang guru bahasa. Daripada data yang diperoleh, jumlah pelajar yang mendaftar kursus Bahasa Malaysia Asas pada semester satu sesi 2021/2022, ialah seramai 350 orang. Daripada jumlah tersebut seramai 190 (n=190) atau 54.29 peratus pelajar diambil sebagai sampel kajian. Selaras dengan pendapat yang dikemukakan oleh Stratton, (2021) yang menyatakan bahawa saiz sampel yang optimum boleh mengurangkan ralat pensampelan dan boleh mengurangkan bias hasil penyelidikan.

#### Responden Kajian

Responden yang terlibat dalam kajian ini terdiri daripada pelajar antarabangsa yang melanjutkan pengajian di Fakulti Bahasa dan Linguistik, Universiti Malaya. Responden merupakan pelajar aktif semasa kajian dijalankan dan telah mendaftar sebagai pelajar yang mengambil kursus TXGZ6102 Bahasa Malaysia Asas sesi 2021/2022. Dari segi negara pula, tiada penetapan tertentu negara yang terlibat memandangkan semua pelajar antarabangsa dikehendaki mengambil kursus Bahasa Malaysia Asas sebagai syarat pengijazahan. Kesemua responden merupakan pelajar antarabangsa yang tidak mempunyai asas dalam bahasa Melayu dan telah mengikuti kursus Bahasa Malaysia Asas selama dua minggu seperti yang telah ditetapkan oleh pihak fakulti.

#### Bahan Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Melayu

Bahan pengajaran merupakan buku yang dirujuk sebagai panduan dan dimasukkan sebagai rujukan



utama yang dinyatakan dalam maklumat kursus. Dalam kajian ini, antara bahan pengajaran yang digunakan semasa proses PdP, iaitu buku Efektif Bahasa Melayu Asas dan Efektif Bahasa Melayu Pertengahan terbitan Penerbit Universiti Malaya. Kandungan dalam buku tersebut menerangkan perkara berkaitan sebutan, panggilan kekeluargaan, perbualan harian dan kefahaman berkaitan teks bahasa Melayu. Selain itu, terdapat juga pendekatan kemahiran berbahasa iaitu kemahiran membaca, menulis, mendengar dan bertutur. Penetapan kesemua kemahiran ini memberi penekanan aspek tata bahasa secara ringkas dan padat (Samsur Rijal et al., 2020). Penggunaan dua buah buku tersebut ternyata boleh membantu pelajar memahami dengan lebih jelas berkaitan penggunaan bahasa Melayu dalam pelbagai konteks dan situasi harian.

### Instrumen Kajian

Instrumen kajian yang diguna bagi mendapatkan data dalam kajian ini adalah berbentuk borang soal selidik berkaitan Strategi Pembelajaran Kosa Kata daripada Taksonomi Schmitt, (1997). Borang soal selidik ini telah diubah suai mengikut kesesuaian objektif kajian. Reka bentuk soal selidik ini berkaitan strategi pembelajaran kosa kata bahasa Melayu. Dalam taksonomi tersebut terdapat enam kategori yang diperkenalkan, iaitu strategi Penentuan, strategi Sosial yang berada dalam kategori strategi Penemuan. Strategi Kognitif, strategi Sosial, strategi Memori dan strategi Metakognitif berada dalam kategori strategi Pengukuhan. Setiap kategori ini mengandungi enam sub kategori yang membawa kepada 30 item strategi pembelajaran kosa kata bahasa Melayu.

Sebelum kajian sebenar dijalankan, kajian rintis dijalankan terlebih dahulu terhadap 20 orang responden bagi menguji kesahan dan kebolehpercayaan instrumen. Segala maklum balas yang diterima telah ditambah baik dan diperhalusi. Responden yang terlibat semasa kajian rintis tidak terlibat semasa kajian sebenar dijalankan. Data yang diperoleh dikumpul dan dianalisis menggunakan *Statistical Package for the Social Sciences (SPSS)* versi 26.0 dan disusun dalam bentuk jadual yang merangkumi purata, kekerapan dan sisihan piawai. Bagi menepati kajian penyelidikan, kebolehpercayaan instrumen ditentukan dengan menggunakan ukuran alpha Cronbach dan memperoleh nilai 0.869. Julat pengukuran borang soal selidik strategi pembelajaran kosa kata menggunakan penilaian skala Likert lima mata. Quarterly, (1993) menyatakan bahawa satu keputusan penyelidikan yang jitu boleh diperoleh sekiranya kajian tersebut mempunyai tahap pengukuran dan kesahan yang tinggi. Oleh itu, responden dikehendaki memilih satu daripada lima skala pengukuran yang telah ditetapkan seperti yang dinyatakan dalam Jadual 1.

JADUAL 1: Skala Likert

Skala	Pilihan
1	Sangat tidak setuju
2	Tidak setuju
3	Tidak pasti
4	Setuju
5	Sangat setuju

### Prosedur Kajian

Bagi mendapatkan data yang empirikal dan deskriptif, edaran borang soal selidik berikan kepada responden setelah mendapat kebenaran menjalankan kajian lapangan daripada pihak pengurusan Fakulti Bahasa dan Linguistik, Universiti Malaya. Responden diberi penerangan berkaitan tujuan kajian ini dijalankan. Sekiranya terdapat pertanyaan atau masalah semasa hendak menjawab soal selidik, responden dibenarkan bertanya terus kepada pengkaji atau penyelaras kursus. Borang soal selidik diedarkan secara dalam talian dengan mendapat kerjasama daripada penyelaras kursus.

Bagi memastikan setiap responden menjawab borang yang diedarkan, responden perlu daftar masuk (*login*) dengan menggunakan e-mel pelajar ke dalam platform Spectrum di bawah kendalian Pusat Teknologi Maklumat (PTM), Universiti Malaya. Edaran borang soal selidik dilakukan selepas responden selesai menjalani proses PdP selama dua minggu. Hal ini bagi memastikan hanya responden yang telah melalui sesi PdP kursus Bahasa Malaysia Asas sahaja perlu menjawab borang soal selidik. Setiap data yang diperoleh direkodkan dengan teliti. Borang soal selidik yang tidak lengkap akan dikeluarkan daripada data analisis supaya data yang diperoleh menepati objektif kajian.

### Analisis Data

Data yang diperoleh telah dianalisis dengan menggunakan perisian *Statistical Package for the Social Sciences (SPSS)* versi 26.0 untuk meneliti purata, kekerapan dan sisihan piawai. Kemudian, setiap skor strategi akan dianalisis dan diberi interpretasi yang diadaptasi daripada Mohamad Yazid (2017). Strategi pembelajaran yang memperoleh skor 1.00 hingga 2.33 menunjukkan nilai min berada pada tahap rendah, skor 2.34 hingga 3.66 menunjukkan min berada pada tahap sederhana. Nilai min tahap tinggi ditentukan pada skor 3.67 hingga 5.00. Semua nilai min dan sisihan piawai dibundarkan kepada dua titik perpuluhan. Interpretasi skor dapat diperhatikan seperti dalam Jadual 2.

JADUAL 2: Tahap interpretasi skor min

Skor Min	Interpretasi skor
1.00 – 2.33	Rendah
2.34 – 3.66	Sederhana
3.67 – 5.00	Tinggi

**DAPATAN KAJIAN**

**Kekerapan Strategi Pembelajaran Kos Kata Bahasa Melayu**

Jadual 3 menunjukkan penggunaan strategi pembelajaran kos kata berdasarkan kekerapan yang digunakan oleh pelajar antarabangsa semasa mempelajari bahasa Melayu. Purata keseluruhan bagi strategi pembelajaran kos kata berada pada tahap sederhana dengan nilai min 3.61 dan sisihan piawai 1.14. Daripada enam strategi yang dikemukakan, strategi Memori merupakan strategi yang paling kerap diamalkan dengan nilai min 4.00 dan sisihan piawai 1.04. Manakala strategi Sosial (pengukuhan) dengan nilai min 3.64 dan sisihan piawai 1.03. Diikuti oleh strategi Kognitif nilai min 3.58 dan sisihan piawai 1.16, strategi Sosial (penemuan) 3.55 dan sisihan piawai 1.27, strategi Penentuan dengan nilai min 3.54 dan sisihan piawai 1.13. Seterusnya strategi Metakognitif merupakan strategi pembelajaran terakhir yang diamalkan oleh responden dengan nilai min 3.35 dan nilai sisihan piawai ialah 1.19. Pada tahap interpretasi pula, semua strategi pembelajaran kos kata berada pada tahap penggunaan yang sederhana kecuali strategi Memori yang berada pada tahap interpretasi tinggi.

JADUAL 3: Statistik deskriptif keseluruhan strategi pembelajaran kos kata responden

Kategori Strategi Kos Kata	Min	Sisihan Piawai	Tahap Min
Strategi Penentuan	3.54	1.13	Sederhana
Strategi Sosial (penemuan)	3.55	1.27	Sederhana
Strategi Memori	4.00	1.04	Tinggi
Strategi Sosial (pengukuhan)	3.64	1.03	Sederhana
Strategi Kognitif	3.58	1.16	Sederhana
Strategi Metakognitif	3.35	1.19	Sederhana
<b>Purata Min</b>	<b>3.54</b>	<b>1.14</b>	<b>Sederhana</b>

**Kekerapan Penggunaan Strategi Pembelajaran Kos Kata Bahasa Melayu Mengikut Kategori**

**Strategi Penentuan**

Jadual 4 adalah berkaitan dengan strategi Penentuan. Purata strategi bagi kategori ini ialah 3.54 dan sisihan piawai 1.13 yang berada pada tahap sederhana. Item penggunaan strategi pembelajaran dalam kategori ini memperoleh nilai min 4.29 dan sisihan piawai 0.80 serta 1.02 merujuk kepada item ke-3 ‘Menggunakan kamus bahasa Inggeris - bahasa Melayu untuk mencari

*makna perkataan baharu*’ dan item ke-1 ‘Menggunakan kamus bahasa Melayu – bahasa Inggeris untuk mengetahui maksud kos kata baharu’. Kedua-dua strategi ini mempunyai tahap interpretasi yang tinggi. Seterusnya, item ke-5 ‘Meneka makna dari golongan kata untuk mencari maksud kos kata baharu’ memperoleh nilai min 3.47 dan sisihan piawai 1.28, item ke-4 ‘Meneka makna dari konteks untuk mencari maksud kos kata baharu’ dengan nilai min 3.33 dan sisihan piawai 1.21. Item ke-2 ialah item strategi kos kata yang paling rendah ialah min 2.34 dan sisihan piawai 1.35, iaitu responden ‘Menggunakan kamus bahasa ibunda - bahasa Melayu untuk mencari maksud kos kata baharu’. Ketiga-tiga item ini memperoleh tahap interpretasi yang sederhana.

Keseluruhan dapatan kajian bagi strategi ini menunjukkan bahawa pelajar antarabangsa lebih memilih untuk menggunakan kamus dwibahasa untuk mempelajari bahasa Melayu yang bertujuan untuk mengetahui dengan lebih mendalam berkaitan maksud kos kata yang dipelajari.

JADUAL 4: Item Strategi Penentuan

Bil	Item	Min	Sisihan Piawai	Tahap Min
1	Menggunakan kamus bahasa Melayu – bahasa Inggeris untuk mengetahui maksud kos kata baharu.	4.29	1.02	Tinggi
2	Menggunakan kamus bahasa ibunda - bahasa Melayu untuk mengetahui maksud kos kata baharu.	2.34	1.35	Sederhana
3	Menggunakan kamus bahasa Inggeris - bahasa Melayu untuk mencari maksud kos kata baharu.	4.29	0.80	Tinggi
4	Meneka makna dari konteks untuk mencari maksud kos kata baharu.	3.33	1.21	Sederhana
5	Meneka makna dari golongan kata mencari maksud kos kata baharu.	3.47	1.28	Sederhana
<b>Purata Min</b>		<b>3.54</b>	<b>1.13</b>	<b>Sederhana</b>

**Strategi Sosial (Penemuan)**

Jadual 5 pula merujuk kepada strategi Sosial (penemuan) yang menerangkan bahawa item tertinggi ialah item ke-8 di mana responden ‘Meminta guru untuk menterjemah kos kata ke dalam bahasa Inggeris’ dengan memperoleh nilai min 3.78 dan sisihan piawai 1.15. Item ke-6 ‘Meminta guru untuk memberikan contoh ayat berkaitan kos kata baharu’ yang dipelajari dengan nilai min ialah 3.57 dan sisihan piawai 1.37. Seterusnya, responden cuba ‘Menggunakan kos kata baharu bersama rakan ketika mengulang kaji pelajaran’ dengan nilai min 3.53 dan sisihan piawai 1.25, item ke-9 ‘Memahami kos kata baharu ketika belajar bersama rakan-rakan dalam kumpulan’ memperoleh nilai min 3.52 dan sisihan piawai 1.20. Item ke-6 ‘Meminta rakan menterjemah maksud kos kata baharu’ merupakan item strategi yang paling

rendah dengan nilai min 3.36 dengan sisihan piawai 1.37. Dalam strategi ini, hanya terdapat satu item yang memperoleh tahap interpretasi yang tinggi berbanding lima item yang lain berada pada tahap yang sederhana. Purata min bagi strategi ini ialah 3.55 dan sisihan piawai 1.27 yang menunjukkan interpretasi pada tahap sederhana. Hasil analisis menunjukkan bahawa pelajar antarabangsa lebih memilih guru berbanding rakan sekelas untuk mempelajari bahasa Melayu yang melibatkan faktor sosial atau persekitaran.

JADUAL 5: Item Strategi Sosial (Penemuan)

Bil	Item	Min	Sisihan Piawai	Tahap Min
6	Meminta rakan sekelas menterjemah maksud kosa kata baharu.	3.36	1.37	Sederhana
7	Meminta guru memberikan contoh ayat berkaitan kosa kata baharu.	3.57	1.37	Sederhana
8	Meminta guru menterjemah kosa kata tersebut ke dalam bahasa Inggeris.	3.78	1.15	Tinggi
9	Memahami kosa kata baharu ketika belajar bersama rakan-rakan dalam kumpulan.	3.52	1.20	Sederhana
10	Menggunakan kosa kata baharu bersama rakan ketika mengulang kaji pelajaran.	3.53	1.25	Sederhana
<b>Purata Min</b>		<b>3.55</b>	<b>1.27</b>	<b>Sederhana</b>

**Strategi Memori**

Dapatan kajian dalam Jadual 6 menunjukkan bahawa responden lebih mengamalkan item daripada strategi Memori. Dalam strategi ini, kesemua item memperoleh tahap interpretasi yang tinggi dengan purata nilai min ialah 4.00 dan sisihan piawai 1.04. Perincian kekerapan daripada strategi pembelajaran ini menunjukkan bahawa item ke-13 responden ‘*Gemar menyebut kosa kata baharu dengan kuat ketika belajar*’ dengan nilai min 4.28 dan sisihan piawai 0.83, diikuti oleh item ke-14 ‘*Menggunakan kosa kata baharu dalam ayat secara berulang kali*’ dengan nilai min 4.12 dan sisihan piawai 0.94. Item ke-15 ‘*Menulis kosa kata baharu dalam ayat supaya mudah diingat*’ yang menjadi pilihan responden dengan nilai min 4.09 dan sisihan piawai 1.09 dan item ke-11 ‘*Mengelompokkan kosa kata baharu berkaitan dengan sebutan dan ejaan yang sama*’ dengan nilai min ialah 3.76 dan sisihan piawai 1.11. Item ke-12 ‘*Menghubung kait gambar dengan maksud kosa kata baharu*’ pula memperoleh nilai min paling rendah iaitu 3.73 dan sisihan piawai ialah 1.24. Hasil dapatan kajian menunjukkan bahawa, pelajar antarabangsa akan menggunakan intonasi suara dan menggunakan kaedah ulangan untuk mempelajari bahasa Melayu.

JADUAL 6: Item Strategi Memori

Bil	Item	Min	Sisihan Piawai	Tahap Min
11	Mengelompokkan kosa kata baharu berkaitan dengan sebutan dan ejaan yang sama.	3.76	1.11	Tinggi
12	Menghubung kait gambar dengan maksud kosa kata baharu.	3.73	1.24	Tinggi
13	Menyebut kosa kata baharu dengan kuat ketika belajar.	4.28	0.83	Tinggi
14	Mengguna kosa kata baharu dalam ayat berulang kali.	4.12	0.94	Tinggi
15	Menulis kosa kata baharu dalam ayat supaya mudah diingat.	4.09	1.09	Tinggi
<b>Purata Min</b>		<b>4.00</b>	<b>1.04</b>	<b>Tinggi</b>

**Strategi Sosial (Pengukuhan)**

Jadual 7 pula ialah kekerapan penggunaan strategi Sosial (pengukuhan) berada pada tahap sederhana dengan memperoleh purata min 3.64 dan sisihan piawai 1.03. Item ke-20, iaitu responden berusaha untuk ‘*Berkomunikasi dengan penutur natif bahasa Melayu dengan menggunakan pelbagai medium untuk menambah bilangan kosa kata*’ dengan memperoleh nilai min 3.83 dan sisihan piawai 0.98. Item ke-16 ‘*Meminta guru menerangkan kosa kata baharu ke bahasa Inggeris*’ dengan nilai min 3.75 dan sisihan piawai 0.89. Seterusnya item ke-18 ‘*Meminta guru untuk memberi sinonim kosa kata baharu*’ memperoleh nilai min 3.67 dan 1.01 untuk nilai sisihan piawai. Selain itu, item ke-17 menunjukkan responden ‘*Berkomunikasi dengan guru dalam bahasa Melayu sebagai salah satu cara untuk menggunakan kosa kata yang dipelajari*’ dengan memperoleh nilai min 3.55 dan sisihan piawai 1.18. Keempat-empat item yang dinyatakan di atas memperoleh tahap interpretasi yang tinggi berbanding satu item yang memperoleh tahap interpretasi yang sederhana iaitu item ke-19 ‘*Melakukan perbincangan dalam bahasa Melayu bersama rakan untuk mengetahui makna kosa kata baharu*’ dengan nilai min 3.42 dan sisihan piawai 1.10.

Strategi sosial merupakan salah satu elemen yang melibatkan pihak kedua atau pihak lain semasa mempelajari bahasa Melayu. Hasil dapatan kajian mendapati komunikasi, pertanyaan atau perbualan yang berlaku boleh meningkatkan tahap pemahaman pelajar dan seterusnya pelajar dapat menerapkan kosa kata yang dipelajari di dalam kelas dan digunakan di luar kelas.

JADUAL 7: Item Strategi Sosial (Pengukuhan)

Bil	Item	Min	Sisihan Piawai	Tahap Min
16	Meminta guru untuk menerangkan kosa kata baharu ke bahasa Inggeris.	3.75	0.89	Tinggi
17	Berkomunikasi dengan guru dalam bahasa Melayu untuk menggunakan kosa kata baharu dalam ayat bahasa Melayu.	3.55	1.18	Sederhana
18	Meminta guru untuk memberi sinonim kosa kata yang baharu.	3.67	1.01	Tinggi
19	Berbincang dalam bahasa Melayu dengan rakan untuk mengetahui makna kosa kata baharu.	3.42	1.10	Tinggi
20	Berkomunikasi dengan penutur natif bahasa Melayu melalui pelbagai media untuk menambah kosa kata.	3.83	0.98	Sederhana
<b>Purata Min</b>		<b>3.64</b>	<b>1.03</b>	<b>Sederhana</b>

### Strategi Kognitif

Jadual 8 merujuk kepada item strategi Kognitif yang memperoleh nilai purata 3.58 dan sisihan piawai 1.16 yang berada pada tahap sederhana. Item tertinggi bagi strategi ini ialah item ke-23 di mana responden 'Membuat perkaitan dengan objek fizikal yang berada di sekeliling untuk mempelajari kosa kata' dengan nilai min 4.04 dan sisihan piawai 0.81. Item ke-21 'Menggunakan kosa kata dengan menulis secara berulang kali dalam ayat' pula memperoleh nilai min 3.98 dan sisihan piawai 0.99. Seterusnya item ke-22 'Menggunakan buku nota untuk membuat senarai kosa kata baharu berserta contoh dan maksud' pula memberi nilai min 3.70 dan sisihan piawai 1.31. Ketiga-tiga item tersebut berada pada tahap interpretasi yang tinggi.

JADUAL 8: Item Strategi Kognitif

Bil	Item	Min	Sisihan Piawai	Tahap Min
21	Menggunakan kosa kata baharu dengan menulisnya berulang kali dalam ayat.	3.98	0.99	Tinggi
22	Menggunakan buku nota untuk menyenaraikan kosa kata baharu dengan maksud dan contoh yang sesuai.	3.70	1.31	Tinggi
23	Mengaitkan kosa kata baharu dengan objek fizikal di sekeliling.	4.04	0.81	Tinggi
24	Mendengar lagu bahasa Melayu untuk mempelajari kosa kata baharu.	3.07	1.32	Sederhana
25	Merakam bunyi kosa kata baharu dari filem atau drama yang menggunakan bahasa Melayu.	3.36	1.40	Sederhana
<b>Purata Min</b>		<b>3.58</b>	<b>1.16</b>	<b>Sederhana</b>

Dua lagi item yang berada pada tahap interpretasi sederhana, iaitu item ke-25 'Merakam bunyi kosa kata dari filem atau drama yang menggunakan bahasa Melayu' dan item ke-24 'Mendengar lagu bahasa Melayu untuk mempelajari kosa kata baharu' dengan memperoleh nilai min 3.36 dan 3.07. Hasil kajian

kategori ini menunjukkan bahawa objek fizikal yang berada di sekeliling merupakan objek yang paling hampir dengan penutur yang boleh membantu pelajar untuk mengingati dan menguasai bahasa Melayu dengan baik.

### Strategi Metakognitif

Jadual 9 menunjukkan bahawa item strategi Metakognitif yang paling diamalkan oleh responden adalah bagi item ke-30, iaitu 'Dengan membuat latihan dalam talian bagi mengetahui sejauh mana mereka memahami kosa kata yang dipelajari'. Nilai min bagi item ini ialah 3.80 dan sisihan piawai 0.94 serta item yang mempunyai tahap interpretasi yang tinggi. Diikuti dengan item ke-28 'Membuat latihan tambahan daripada pelbagai sumber' dengan nilai min 3.65 dan sisihan piawai 1.14, item ke-29 'Mempelajari kosa kata baharu daripada sumber yang lain seperti majalah, surat khabar dan iklan bercetak' pula memperoleh nilai min 3.38 dan sisihan piawai 1.19. Responden juga banyak menggunakan strategi ini seperti pada item ke-26 'Mempelajari kosa kata dengan mendengar siaran radio berbahasa Melayu' memperoleh nilai min 3.15 dan sisihan piawai 1.41, serta nilai min 2.77 dan sisihan piawai 1.28 merujuk kepada item ke-27 'Meluaskan pengetahuan kosa kata baharu dengan mendengar lagu bahasa Melayu'. Item ini merupakan item yang paling kurang mendapat perhatian responden tetapi masih berada pada interpretasi yang sederhana dengan memperoleh purata min 3.35 dan sisihan piawai 1.19. Hasil dapat kajian menunjukkan bahawa, pelajar antarabangsa kurang menggunakan medium berbentuk elektronik atau audio untuk mempelajari bahasa Melayu.

JADUAL 9: Item Strategi Metakognitif

Bil	Item	Min	Sisihan Piawai	Tahap Min
26	Mempelajari kosa kata baharu dengan mendengar siaran radio berbahasa Melayu.	3.15	1.41	Sederhana
27	Meluaskan pengetahuan kosa kata baharu dengan mendengar lagu bahasa Melayu.	2.77	1.28	Sederhana
28	Meluaskan pengetahuan kosa kata baharu dengan membuat latihan tambahan daripada pelbagai sumber seperti artikel, teks dan internet.	3.65	1.14	Sederhana
29	Mempelajari kosa kata baharu dengan membaca artikel daripada sumber lain seperti majalah, surat khabar dan iklan bercetak.	3.38	1.19	Sederhana
30	Membuat latihan dalam talian untuk menguji pemahaman kosa kata baharu yang telah dipelajari.	3.80	0.95	Tinggi
<b>Purata Min</b>		<b>3.35</b>	<b>1.19</b>	<b>Sederhana</b>



## PERBINCANGAN

Secara keseluruhannya, kekerapan tahap penggunaan strategi pembelajaran kosa kata bahasa Melayu pelajar antarabangsa berada pada tahap sederhana dengan purata min ialah 3.61. Penggunaan strategi pembelajaran paling tinggi diamalkan ialah strategi Memori dengan nilai min 4.00 dan yang paling kurang diamalkan ialah strategi Metakognitif dengan nilai min 3.35. Hal ini selari dengan dapatan kajian oleh Balini dan Jeyabalan (2018), terhadap pembelajaran bahasa kedua yang mengatakan bahawa strategi Memori yang diamalkan oleh pelajar boleh membantu kepada pemerolehan kosa kata yang baharu di samping pengekalan dan pemahaman bahasa yang dipelajari menjadi lebih mudah dan berkesan. Hal yang sama juga berlaku kepada pelajar antarabangsa apabila item daripada strategi Memori menjadi pilihan utama untuk mempelajari bahasa Melayu. Selain itu, penggunaan strategi Memori dengan baik dapat memberi kesan jangka panjang iaitu pelajar dapat mengingat kosa kata dengan jangka masa yang lama serta mengurangkan aspek kesalahan berbahasa.

Berdasarkan kepada data kekerapan penggunaan strategi pembelajaran kosa kata, dapat diperhatikan bahawa pelajar lebih memilih menggunakan kamus semasa mempelajari bahasa Melayu. Walaupun penggunaan kamus merupakan salah satu kaedah yang konvensional, namun amalan ini boleh memberi pemahaman yang tinggi kepada pelajar. Menurut Zhang et al., (2021) terdapat sesetengah kamus bukan hanya menterjemahkan makna perkataan bahasa pertama ke bahasa kedua, malah kamus tersebut turut memberi contoh penggunaan kosa kata dalam ayat. Hal ini dapat memberi pemahaman yang lebih jelas kepada pelajar untuk memahami maksud sebenar penggunaan kosa kata bahasa Melayu. Seterusnya, kamus boleh bertindak sebagai buku atau panduan pembelajaran bahasa Melayu yang produktif sebagai salah satu sumber pemerolehan kosa kata selain daripada guru. Perkara ini membuktikan bahawa penggunaan kamus tidak boleh diabaikan semasa pembelajaran bahasa Melayu di dalam kelas.

Kaedah menulis dan menyebut kembali kosa kata juga merupakan salah satu strategi yang menjadi pilihan pelajar dalam mempelajari bahasa Melayu. Kaedah ini juga selari dengan tindakan yang diperkenalkan oleh ahli psikologi seperti Pavlov, Hull dan Skinner yang memelopori teori Behaviorisme. Ahli sarjana ini berpendapat bahawa pembelajaran bahasa merupakan satu proses mekanis bagi membentuk kebiasaan yang tidak melibatkan proses mental. Dalam kajian ini, pelajar mengamalkan kemahiran menulis dan menyebut berulang kali yang merupakan salah satu prinsip dalam teori Behaviorisme yang mengutamakan bentuk bahasa. Dapat diperhatikan bahawa, salah satu strategi yang diamalkan oleh pelajar antarabangsa ialah menyebut perkataan kosa kata bahasa Melayu yang baharu dengan

kuat ketika belajar. Hal ini dapat memberi kelebihan kepada pelajar antarabangsa kerana menerapkan kaedah behavioris semasa proses pembelajaran bahasa Melayu. Kedua-kedua gabungan strategi Penemuan dan Pengukuhan ini boleh memberi penguasaan bahasa Melayu yang baik kepada pelajar antarabangsa.

## KESIMPULAN

Sebagai kesimpulannya, kajian ini telah mencapai objektif kajian dan berjaya mengetahui kekerapan strategi pembelajaran kosa kata bahasa Melayu selain analisis secara keseluruhan berkaitan strategi yang diamalkan oleh pelajar antarabangsa. Setelah pelajar mengenal pasti strategi yang diamalkan, guru boleh membantu mereka untuk memilih dan meneroka dengan lebih sesuai dan tersusun untuk mempelajari bahasa Melayu dengan lebih berkesan. Sekiranya strategi yang diamalkan berkesan, maka amalan tersebut boleh diteruskan dan sebaliknya jika amalan strategi tersebut tidak berkesan, guru dan pelajar boleh menggunakan cara dan kaedah yang lain sejajar dengan perkembangan semasa. Guru adalah pihak yang boleh memainkan peranan penting dengan memperkenalkan strategi baharu kepada pelajar dan melihat cara kaedah tersebut berfungsi (Mardian Shah & Mashrom, 2019). Hal ini membabitkan usaha yang berterusan daripada semua pihak.

## RUJUKAN

- Balini, I. A. & Jeyabalan, D. V. (2018). Role of memory strategy training in language learning. *Bodhi International Journal of Research in Humanities, Arts and Science*, 3 (4), 39–42.
- Cho Min Sung, Mazlina Ahmad, Noor Rohana Mansor, Roswati Abdul Rashid, & Nurul Ain Chua Abdullah. (2020). The effectiveness of mobile application in learning Malay foreign language. *Journal of Physics: Conference Series*, 1529 (4), 0–6. <https://doi.org/10.1088/1742-6596/1529/4/042064>
- Fikri Ghafar & Sa'adiah Ma'alip. (2020). Bahasa Melayu dalam kalangan pelajar Universiti Yunnan Minzu di UKM dan USM. *Jurnal Melayu*, 548–564.
- Brown, H.D. (2016). Learning strategies: a synthesis and conceptual model. *Npj Science of Learning*, 1(1). <https://doi.org/10.1038/npjscilearn.2016.13>
- Jasah Jumayza Ahmad, Syafika Atika Othman & Sharifah Raihan Syed Jaafar. (2020). Kerumitan sebutan bunyi vokal dan diftong bahasa Melayu pelajar Arab. *Jurnal Melayu*, 19 (1), 7–32. <https://doi.org/10.4324/9780429347122-1>
- Juwairiah Osman, Jamilah Bebe Mohamad, Anis Nabilla Ahmad, & Jamal Rizal Razali. (2018). Strategi pengajaran dan pembelajaran bahasa melayu dalam kalangan pelajar antarabangsa di

- Universiti Malaysia Pahang. *PENDETA: Journal of Malay Language, Education and Literature*, 9 (1984), 61–79. <https://doi.org/10.37134/pendeta.vol9.6.2017>
- Juwairiah Osman & Mardian Shah Omar. (2021). Aplikasi teknologi dan motivasi dalam kemahiran berbahasa Melayu untuk penutur asing. *Jurnal Linguistik*, 25 (1), 20–32.
- Li Yan, Kamarulzaman Abdul Ghani & Nordiana Ab. Jabar. (2022). Tahap penggunaan strategi pembelajaran bahasa Melayu dalam kalangan pelajar Universiti di China. *INSANIAH: Online Journal of Language, Communication, and Humanities*, 5 (April), 85–99.
- Mardian Shah Omar, Azman Rahmat & Yusfarina Mohd Yussof. (2017). Menyulam budaya dalam pengajaran bahasa Melayu untuk penutur asing. *Jurnal Linguistik*, 21 (2), 81–92.
- Mardian Shah Omar & Mashrom Muda. (2019). Kemahiran Komunikasi Penutur Asing: Aplikasi Pendekatan Telefon Pintar dan Internet. *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication*, 35 (4), 353–367. <https://doi.org/10.17576/JKMJC-2019-3504-22>
- Mohamad Yazid Mohamad. (2017). Kekerapan penggunaan strategi pembelajaran bahasa Melayu dalam kalangan murid cemerlang etnik cina. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 7 (1), 85–92.
- Noor Zuhidayah Muhd Zulkifli & Siti Saniah Abu Bakar. (2016). Strategi pembelajaran bahasa Melayu dalam kalangan pelajar di Jerman. *Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik*, 4 (April), 10–19.
- Norlidah Alias, Fuziah Rosman, Mohd Nazri Abd Rahman & Dorothy Dewit. (2015). The potential of video game in Malay language learning for foreign students in a Public Higher Education Institution. *Procedia - Social and Behavioral Sciences*, 176, 1020–1027. <https://doi.org/10.1016/j.sbspro.2015.01.573>
- Nursyafina Mohd Sabri. (2018). Strategi pembelajaran bahasa pelajar prasiswazah Pengajian Bahasa Melayu di Prince Of Songkhla University, Pattani berdasarkan jantina, tahun pengajian dan tahap pencapaian. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 8 (2), 1–12.
- Nurul Ain Alizuddin & Nik Nur Athirah Nik Mohd Arif. (2021). Analisis kesalahan bahasa dalam penulisan bahasa Melayu pelajar antarabangsa. *AL-QIYAM International Social Science and Humanities Journal*, 4 (1), 113–127. <http://journal.al-qiyam.net/index.php/my1/article/view/103>
- O'malley, J.M., O'Malley, M.J., Chamot, A.U. & O'Malley, J.M. (1990). *Learning Strategies In Second Language Acquisition*. London: Cambridge University Press.
- Oxford, R.L. (1992). Research on second language learning strategies. *Annual Review of Applied Linguistics*, 13, 174–187.
- Quarterly, T. (1993). Using Likert Scales in L2 Research. Another Researcher Comments Author (s): Jean Turner Published by: Teachers of English to Speakers of Other Languages, Inc. (TESOL) Stable URL : <http://www.jstor.com/stable/3587409>
- REFERENCES Linked references ar. Teachers of English to Speakers of Other Languages, Inc. (TESOL), 27(4), 736–739.
- Rabadi, R. (2019). Vocabulary Learning Strategies Employed by Undergraduate EFL Jordanian Vocabulary Learning Strategies Employed by Undergraduate EFL Jordanian Students. *English Language and Literature Studies*, 6 (February 2016). <https://doi.org/10.5539/ells.v6n1p47>
- Samsur Rijal Yahaya, Norfaizal Jamain, Ahmad Sabri Abdul Samat & Norliza Amin. (2020). *Efektif Bahasa Melayu Pertengahan*. Kuala Lumpur: Penerbit University Malaya.
- Schmitt, N. (1997). *Vocabulary Learning Strategies: Description, Acquisition, and Pedagogy*. London: Cambridge University Press.
- Stratton, S.J. (2021). Population research: Convenience sampling strategies. *Prehospital and Disaster Medicine*, 36(4), 373–374. <https://doi.org/10.1017/S1049023X21000649>
- Tuah, D. (2018). Mengajar Bahasa Melayu kepada Pelajar Antarabangsa di Universiti Malaysia Sarawak: Pengalaman dan Cabaran. Kuching: Penerbit Universiti Malaysia Sarawak.
- Uraidah Abdul Wahab, Mat Taib Pa & Lily Hanefarezan Asbulah. (2021). Saiz kosa kata dan pengetahuan kolokasi bahasa arab dalam kalangan pelajar sijil tinggi agama Malaysia (STAM). *Issues in Language Studies*, 10 (1), 183–202. <https://doi.org/10.33736/ils.2794.2021>
- Williams, M. & Burden, R. (1997). Motivation in language learning: A social constructivist approach. *Cahiers de l'APLIUT*, 16 (3), 19–27.
- Zhang, S., Xu, H. & Zhang, X. (2021). The effects of dictionary use on second language vocabulary acquisition: A meta-analysis. *International Journal of Lexicography*, 34 (1), 1–38. <https://doi.org/10.1093/ijl/ecaa010>